

A. Samad Idris
dengan



*Jejak-jejak
Pejuang*

A. Samad Idris
dengan

Jejak-jejak Pejuang

Dibantu oleh : Naharuddin Haji Ali

Sejambak Kenangan

Buku kecil ini saya berikan tajuk **“Jejak-Jejak Pejuang”** mengandungi 10 orang tokoh-tokoh pejuang gigih di mana ramai di antara kita yang tidak mengenali lagi.

Saya berhasrat untuk mengumpul seberapa ramai lagi tokoh dalam semua lapangan perjuangan untuk membebaskan tanahair dari cengkaman penjajah. Apa yang saya harapkan ia mendapat sokongan dari semua pihak semoga usaha ini akan mencapai matlamatnya.

Jika kedapatan sesuatu yang kekurangan dan kesilapan, ia merupakan tidak disengajakan. Harapan saya sama-sama diperbetulkan.

Siapakah yang harus dipersalahkan kalau generasi muda sekarang tidak mengenal tokoh-tokoh veteran yang berjuang menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1946 dulu.

Tahun 1996 bererti 50 tahun sudah berlalu - bagi mereka yang berumur 50 tahun sekarang apalagi yang lebih muda, bagaimanakah mereka dapat mengenali bapa-bapa atau datuk-datuk mereka yang sudah lanjut umur dan tidak sedikit pula yang telah pergi meninggalkan kita.

Mungkin yang berusia dalam lingkungan 50 tahun boleh mengingati **“detik-detik 12 satu saat”** di Padang Selangor Club di mana turunnya bendera Union Jack dan berkibar megah bendera kita 39 tahun yang lalu.

Pejuang-pejuang ini tidak pernah meminta jasanya dikenang atau menagih simpati, lebih-lebih lagi menadah tangan meminta-minta sesuatu sebagai balasan dari titik peluh perjuangan mereka.

Apa yang mereka harapkan agar anak-anak cucu dan generasi muda dapat menikmati hasil perjuangan mereka dan menyedari akan kelemahan dan keciciran mereka di masa lampau akibat penjajah yang bersikap **“telunjuk lurus kelengkeng berkait”**, **“mulut disuap pisang ekor dicangkuk duri”**.

Tidak perlu saya huraikan di sini akan kelemahan yang dimaksudkan kerana anak-anak muda hari ini semuanya sudah berpendidikan menengah dan tinggi, sudah boleh malah bijak menilai sesuatu di mana intan dan di mana kaca.

Bagaimanapun ada juga baiknya sekadar, **“kalau lupa beringat, kepa takbur tertaubar”**, manusia bergaduh malah berperang dan berbunuh-bunuhan adalah disebabkan pembahagian rezeki, tamak haloba dan adakalanya menindas di antara satu sama lain.

Oleh itu beringat-ingatlah **“melantai sebelum bulus”**, **“tengadah sebelum terantuk”**, **“sesal dahulu pendapat sesal kemudian tidak**

berguna", kalau sudah merasakan "sesat di hujung jalan baliklah ke pangkal jalan".

"Bila berjalan ke depan sesekali tolehlah ke belakang" agar ada munafaatnya.

Semoga Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayahnya.

A. Samad Idris

Teratak Desa Kuala Lumpur

1-10-1996.

Rintihan.....

Kubawa dingin pagi yang menyegarkan
ke wajahmu pesisir waktu
termangu di antara getar rindu
imbau kenanganku ke gunung menjulang indah
Merapi Singgalang sayup berbalam
igau bimbangku ke lurah memusar gundah!

Biarkan awan gemawan memintal janji
memutih bak kapas di busar
esok matari pasti kian meninggi
Perjuangan ini kita jadikan ikrar:
Ke benak menyelinap ingatan lampau
ke dada terungkap perjalanan kita.

Di sini akan ku bina tugu persahabatan
teman-temanku -
bersama bait rangkap lirik lagu
Semalam di Malaya:
Oh! Di mana kawan dulu
kawan dulu yang sama berjuang!
Rintih hati pencipta ternama
Saiful Bahari, temanku
iya, temanku yang sama berjuang.

Setengah abad berlalu detik ke detik
teman-temanku:
bukan masa yang pendek
memisahkan jarum waktu
Ke mana kau teman-temanku
di antara bayang yang hilang?

Siapa anak-anak yang menangisi
- Kau yang melangkah pergi
- Menyahut seruan Ilahi
Kerana kau dilahirkan
untuk menabur bakti
bangsa & negara

warisan tercinta

Dengarkan pewaris bangsa
yang bersopan di setiap abad
ini tugu yang kau bina dengan air mata
debar getarnya bersama keyakinan
Tekad nekadnya bersama ketabahan!

Aku tahu teman-temanku:

Kau tidak pernah meminta
jasamu dikenang anak-anak bangsa
kau tidak pernah mengemis simpati
belas ihsan penghormatan negara
kau tidak pernah memohon janji
darjah kebesaran mengerdip di dada.

Di dadamu terukir doa harapan
agar bangsamu, negaramu & warisanmu
selamat dan bebas:

Bebas dari cengkaman dan penindasan
bernama penjajah yang kejam!

Hari ini ku bawa matari pagi
menyinari jejak-jejak yang kau tinggalkan
rasakan hangat panas bumi ini:

Kembali ke teratak desamu
ke kota langkah kita bermula
kau akan termangu
bersama kemenangan namamu.

Kau akan membilang jerjak waktu
zaman lampau yang kita tinggalkan
langkah berat di jalan berkerikil
beg usang terjenjeng di tangan
haus dahaga di bawah bayang yang panjang.

Kini, kau bisa tersenyum teman-teman
yang hilang tanpa nama besar
nesanmu menjadi tugu saksi
anak-anak yang kau dewasakan
tabah yakinnya menjunjung kebenaran

rebah bangunnya menggenggam kesetiaan.
Usah pula kau tangisi
kalau anak-anakmu memalu gendang petualang
bertandak mengikut rentak walang kecundang
kerana pepatah yang berketak:
Gading mana yang tidak retak?

Anak-anakku
kembalilah ke pangkalan tempat kayuh bermula
kembalilah ke daratan tempat kaki berjejak

Pitih bertaburan
jangan biarkan mengabui mata
basah dalam kekeringan -
laksana buah dikait menimpa kepala
luruhnya air mata kita!

Akan ku sampaikan pesan ini
kepada anak-anak yang kau tinggalkan
nikmat itu bukan semuanya kenikmatan
celaka itu bukan semuanya kecelakaan
kerana di antara kemegahan anak-anak yang berjaya
gelap matanya malang kecundang
gertap bibirnya walang petualang.

Lupakah anak-anak kota
air telaga di desa
lupakah anak-anak pesan pejuang bangsa:
ular menyusur akar takkan hilang bisa

Mari teman-teman
kita kembali mengukur perkasa wajamu
kerana kau tidak mati
di setiap inci bumi ini
anak-anakmu sudah menikmati
segala hasil limpah budimu yang abadi.

Kampung dan desa sudah terbina
kota pembangunan, teman-teman
telaga di kambus airnya mengalir dalam besi

pelita dipadamkan apinya menyala di kaca
siapa lagi di antara kita
mimpinya khayal di siang hari?

Kini, ku bawa dingin pagi
bersama anak-anak berbimbing tangan ke sekolah
orang tua kian mesra di masjidnya
azan berkumandang di puncak menaranya
teman-teman seperjuangan di mana suaramu?

A. Samad Idris
Bukittinggi/Maninjau
di suatu pagi
26-9-96.





فرتو بهنك كيشانم سلاو برسيا تو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO

N0. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

Kata-kata Auan

UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei 1946 di Johor Bahru menumpukan perjuangannya pada peringkat awal kepada dua asas pokok, pertama menyatupadukan orang-orang Melayu yang bersifat kenegerian dan kedua menentang penubuhan Malayan Union.

Sebagai yang kita semua maklum sesudah Dato' Onn berjaya dalam kedua-dua perjuangan tersebut dan kemudian meninggalkan UMNO, teraju UMNO telah diambilalih oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Dalam masa kepimpinan Tunku inilah UMNO telah meletakkan asas perjuangannya untuk merebut kemerdekaan tanahair daripada belenggu penjajahan.

Kepimpinan dan kejayaan UMNO dalam perjuangannya bukan terletak di tangan Tunku seorang tetapi adalah dengan bantuan dan sokongan padu setiap pemimpin di semua peringkat dari Bahagian dan Cawangan serta ahli-ahli dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan.

Kebanyakan daripada pemimpin ini telah meninggalkan kita buat selamalamanya dan ramai antara generasi muda sekarang yang tidak mengenali mereka. Ini adalah kerana kekurangan bahan-bahan bacaan mengenai perkara ini.

Oleh itu, usaha Tan Sri Samad Idris mengumpulkan perjuangan tokoh-tokoh kebangsaan menerusi pita video dan buku ini adalah satu usaha yang sangat berguna bukan sahaja sebagai tanda kita mengenang jasa dan bakti tokoh-tokoh tersebut tetapi juga untuk pengetahuan kita, terutama generasi muda sekarang.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Kuala Lumpur
1 Oktober 1996



فروہنک بشائر اسلام اور مساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

Kata-kata Auan

Sebarang usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mengandungi sejarah lebih-lebih lagi sejarah perjuangan bangsa membebaskan tanahair amat dialu-alukan.

Buku yang disusun oleh Tan Sri Dato' A. Samad Idris yang diberi judul "Jejak-Jejak Pejuang" ini semoga mendapat perhatian semua peringkat terutama generasi muda.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan 39 tahun yang lalu, bagi mereka yang berumur sekitar empat puluhan tentunya kurang mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan ini.

Ketandusan bahan-bahan bacaan yang berupa sejarah, agak kurang ditulis oleh penulis-penulis kita, semoga dengan terbitnya buku sepuluh orang tokoh pejuang ini dapat mengisi ruang-ruang yang masih agak kekosongan.

Diharapkan usaha ini merupakan langkah awal bagi melangkah lebih jauh lagi ke depan.

Wassalam.

Dato' Mohamad Rahmat

Setiausaha Agung UMNO Malaysia,
Merangkap Menteri Penerangan.



Kata-kata Bistari

1. Kalau jasamu nak dikenang
Kenanglah jasa mereka yang berjasa.
2. Dalam kehidupan insan di maya pada ini terdapat:
Banyak kawan dan tidak kurang juga musuh:
Musuh yang paling berbahaya ialah:
Musuh yang berselindung di sebalik nama kawan iaitu:
Musuh dalam selimut
Menggunting dalam lipatan
Pepat di luar - rencong di dalam
Lain dimulut lain dihati
3. Sesuatu yang agak pasti terjadi:
- Hari ini musuh - esok kawan
- Hari ini kawan - esok musuh
4. Berani kerana benar
Takut kerana salah
5. Benar itu kekuatan
Bukan kekuatan itu benar
6.
 - a. Jalan mendatar - Jalan yang lurus dan adil.
 - b. Jalan melereng - Jalan yang lurus tetapi tak adil.
 - c. Jalan mendaki - Jalan yang adil tetapi dengan kekerasan.
 - d. Jalan menurun - Jalan mengalah dan tak adil.
7. Apabila menyalahkan orang lain kerana hendak menyembunyi-
kan kesalahan sendiri menampakkan sikap buruk, tidak ber-
hemah tinggi dan belum dewasa.



Datuk Onn Jaafar
Yang diPertua Agung
1946-1951



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Yang diPertua Agung
1951-1970



Tun Abdul Razak Hussein
Presiden UMNO
1970-1976



Tun Hussein Onn
Yang diPertua Agung
1976-1981



Dato Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Presiden



HAJAH ZAINON BINTI SULAIMAN (IBU ZAIN)

HAJAH ZAINON BINTI SULAIMAN (IBU ZAIN)
(1903 - 1989)

Negeri Johor memang ramai melahirkan tokoh-tokoh besar dalam bidang pendidikan, persuratan dan pejuang nasionalisme. Di bumi Tun Seri Lanang ini tidak pernah tandus dengan putera-puterinya yang mewarisi kesinambungan generasi. Di antara tokoh-tokoh terbilang yang mengharumkan bumi Johor khususnya dan negara Malaysia amnya ialah Tan Sri Hajah Zainon binti Sulaiman atau lebih dikenali dengan panggilan 'Ibu Zain'.

Dilahirkan di Kampung Nyalas, Melaka pada 23 Januari 1903, Ibu Zain sangat diharapkan oleh ayahnya akan lahir sebagai anak lelaki. Ayahnya seorang guru bahasa Munsyi Sulaiman bin Abdul Hadi yang mengajar di Maktab Pendidikan Perguruan di Melaka sudah menyediakan nama 'Zainal Abidin' sewaktu Ibu Zain masih lagi dalam kandungan. Apabila bayi yang dilahirkan itu perempuan maka Munsyi Sulaiman terpaksa menamakan anaknya 'Zainon'.

Sekalipun lahir sebagai anak perempuan, tetapi semangat yang gigih dalam sanubarinya setanding dengan jiwa perkasa seorang lelaki juga. Ibu Zain memulakan alam persekolahannya di Taman Asuhan Kanak-kanak di Melaka di bawah Padri Shellabear. Kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Methodist Perempuan, Kampung Belanda di Melaka sehingga tamat. Bagaimanapun ketika berusia 17 tahun Ibu Zain berpindah ke Pasuh Jaya mengikut ayahnya yang berpindah ke situ.

Munsyi Sulaiman bersama isterinya Siti Shahariah binti Haji Kasih memilih kampung pedalaman yang terletak di sempadan Pahang dan Negeri Sembilan kerana di situ anak-anak Melayu masih belum mendapat pendidikan yang sempurna. Dengan inisiatif keluarga Munsyi Sulaiman sebuah taman Didikan Kanak-kanak ditubuhkan di kampung itu di bawah pengendalian Ibu Zain sendiri.

Usaha yang dijalankan oleh Ibu Zain ini mendapat perhatian dari Pesuruhjaya Daerah Muar ketika itu, Dato' Abdullah Jaafar setelah beliau melihat taman didikan di Pasuh. Oleh itu Ibu Zain ditawarkan menyertai perkhidmatan guru sebagai Guru Percubaan (Probationer). Ibu Zain telah menerima tawaran ini dan memulakan tugasnya sebagai pendidik dengan jabatan kerajaan mulai tahun 1923.

Dalam tempoh enam bulan sahaja Ibu Zain lulus ujian sebagai Guru Percubaan ini dan terus dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Perempuan Bandar Maharani di Muar. Disebabkan ketika ni tidak ramai kaum wanita yang terbabit dalam bidang pendidikan, maka kemunculan

Ibu Zain memang dianggap luar biasa. Pada tahun 1926 beliau dinaikkan pangkat sebagai Guru Pelawat bagi daerah Muar dan Batu Pahat. Kemudiannya dalam bulan September 1927 Ibu Zain ditukarkan ke Johor Bahru sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Negeri Johor.

Ibu Zain mencapai kedudukan yang tinggi dalam perkhidmatan pendidikan ketika berusia 24 tahun, iaitu usia bagi kebanyakan anak gadis sudah berkahwin. Bagi masyarakat Melayu usia bagi mengahwinkan anak-anak gadis mereka ketika itu adalah dalam lingkungan 16 ke 18 tahun. Tetapi keluarga Ibu Zain tidak berasa melanggar tradisi bangsanya apabila anak gadis mereka tidak berkahwin dalam usia 24 tahun ini.

Sehingga tahun 1934 sewaktu berusia 31 tahun, Ibu Zain bersama ibu dan adiknya telah berangkat ke Mekah bagi menunaikan fardu haji. Mereka telah ditemani oleh seorang guru bahasa Arab bernama Haji Amin bin Ahmad. Dalam perjalanan ke Mekah ini Haji Ahmad telah melamar Ibu Zain dan mereka telah melangsungkan perkahwinannya dengan Haji Amin semasa menunaikan fardu haji di Mekah ini. Oleh itu Mekah Mukarramah telah menemukan jodohnya dengan Haji Amin dan di Mekah jugalah mereka diijabkabulkan.

Di samping menjadi pendidikan Ibu Zain juga dikenali sebagai penulis prolific yang banyak menulis menerusi majalah Guru, al-Ikhwan, akhbar Saudara dan Bulan Melayu. Beliau mengajak kaum wanita mengejar kemajuan dengan moto: Hidup Bekerja dan Agama dididik moden dibela. Maksudnya beliau menyarankan supaya wanita sentiasa utamakan agama dalam masa mengejar dunia moden.

Penglibatan Ibu Zain di dalam politik UMNO tidaklah secara mendadak, disebabkan beliau lebih terkenal sebagai seorang pendidik. Dalam tahun 1947 beliau menerima anugerah bintang kebesaran negeri Johor iaitu Pingat Ibrahim Sultan (PIS) kerana sumbangannya dalam bidang pendidikan ini. Kemudiannya tahun 1948 beliau dilantik pula menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, kedudukan yang amat luar biasa bagi seorang wanita ketika itu.

Disebabkan UMNO sudah bertapak kuat ketika ini sebagai tenaga pendesak menentang Malayan Union yang dikuat kuasakan oleh penjajah Inggeris, Ibu Zain ikut serta menyertai UMNO. Bagi memantapkan perjuangannya UMNO telah menubuhkan sayap wanita dan pemuda pada 25 Ogos 1949. Kapten Hussein Onn (Tun) telah dipilih mengetuai Pergerakan Pemuda, manakala Datin Putih Mariah binti Ibrahim Rashid iaitu isteri Setiausaha Agung UMNO Dato' Zainal Abidin bin Abas mengetuai wanita yang dikenali Pergerakan Kaum Ibu.

Bagaimanapun Datin Putih Mariah melepaskan jawatannya pada



Ibu Zain ketika menerima Ijazah Kehormat oleh Universiti Kebangsaan



Hajah Aishah Ghani diiringi oleh Datin Fatimah Majid, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Johor dan Ibu Hajah Zain masuk ke Dewan Jubli Intan untuk meraikan beliau oleh Pergerakan Wanita UMNO Johor Bahru dan Pulai.

30 April 1950 kerana mengikut suaminya Dato' Zainal Abidin yang meletakkan jawatan Setiausaha Agung UMNO apabila belayar ke England. Oleh itu dalam persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Istana Iskandariah pada 27 - 29 Ogos 1950, Ibu Zain telah dipilih memegang jawatan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya. Bermula dengan perlantikan inilah Hajah Zainon mula dikenali dan dipanggil 'Ibu Zain' oleh ahli-ahli Kaum Ibu UMNO.

Sewaktu UMNO meminda slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' dalam persidangan Majlis Mesyuarat Agung pada 24 -25 Mac 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, Ibu Zain ikut mengambil bahagian dalam perbahasan. Slogan 'Merdeka' yang menjadi usul Pergerakan Pemuda itu dibawa oleh Gharieb Raof disokong oleh Sardon Jubir (Tun). Dato' Onn sendiri tidak bersetuju slogan 'Hidup Melayu' itu dimansuhkan apabila beliau memberikan ucapannya.

Sebenarnya slogan 'Merdeka' yang dijadikan usul oleh Pergerakan Pemuda bermula daripada ucapan penangguhan yang disampaikan oleh wakil UMNO Kuala Pilah, Abdul Samad Idris dalam Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Kuala Kangsar 27 - 29 Ogos 1950 dan kemudiannya dijadikan usul dalam Pemuda. Disebabkan Dato' Onn sendiri selaku Yang Dipertua Agung tidak bersetuju slogan 'Hidup Melayu' ditukar, maka beberapa cadangan lagi dikemukakan untuk mencabar usul Pergerakan Pemuda itu.

Wakil wanita dari Pulau Pinang, Dasimah Dasir telah mencadangkan 'Hidup Merdeka' dengan disokong oleh Mohd. Nor Omar (Tan Sri). Sementara CM Yusof pula mencadang 'Hidup Malaya' dengan mendapat sokongan Jaafar Haji Ali. Ketika inilah wakil Kuala Lumpur, Raja Ayub bin Raja Bot mencadangkan slogan UMNO 'Hidup' sahaja, dan sertamerta disokong oleh Ibu Zain.

Bagaimanapun setelah diundi 'Merdeka' yang dicadangkan oleh Pergerakan Pemuda telah menang dengan mendapat 34 undi daripada seramai 66 orang perwakilan. Maknanya Ibu Zain selaku pemimpin Kaum Ibu dan salah seorang Naib Yang Dipertua UMNO juga tidak mampu melawan arus yang dibawa oleh Pergerakan Pemuda, apabila mereka mahukan slogan UMNO ditukar kepada 'Merdeka'.

Dalam masa pergolakan pucuk pimpinan UMNO tahun 1951, Ibu Zain tetap setia bersama UMNO. Ketika ini Dato' Onn mengambil keputusan meninggalkan UMNO selepas tidak mahu mempertahankan jawatan Yang Dipertua Agung dalam Majlis Mesyuarat Agung Keenam pada 25-26 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Ibu Zain kekal memimpin Pergerakan Kaum Ibu di bawah pucuk pimpinan baru iaitu



Ibu Zain dalam satu upacara



Seni juga tidak ditinggalkan..... Kelihatan sebahagian dari murid Tunas Suci sedang mengikut rentak piano yang dimainkan sendiri oleh Ibu Hajah Zain Sulaiman.

Tunku Abdul Rahman Putra dan Dato' Abdul Razak Hussein (Tun).

Patah tumbuh hilang berganti dalam kepimpinan Kaum Ibu, apabila tahun 1953 Ibu Zain menyerahkan jawatan Ketua Kaum Ibu kepada tokoh dari Johor Bahru, Khadijah Sidek. Dalam masa pucuk pimpinan baru UMNO mengorak langkah ke arah kemerdekaan, mereka memerlukan ahli pidato yang mampu membakar semangat. Kepetahan Khadijah Sidek sebagai ahli pidato memang diperlukan oleh Kaum Ibu kalau dibandingkan dengan Ibu Zain yang lemah lembut tutur katanya.

Sekalipun tidak menjadi pemimpin Kaum Ibu di peringkat Pusat, tetapi Ibu Zain memainkan peranan di Johor Bahru bagi membendung pengaruh Dato' Onn yang menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan kemudiannya dikenali Parti Negara. Parti baru yang ditubuhkan oleh Dato' Onn itu adalah bagi memenuhi hasratnya mewujudkan sebuah parti untuk semua kaum seperti cadangannya untuk membukakan pintu UMNO kepada kaum lain.

Disebabkan cadangan beliau ditentang oleh ahli-ahli UMNO inilah menyebabkan Dato' Onn meninggal UMNO. Sebagai tokoh yang mempunyai pendirian tegas, Ibu Zain tidak terpengaruh dengan parti baru pimpinan Dato' Onn sekalipun jauh di sudut hatinya beliau memang menghormati pemimpin besar bangsa Melayu itu. Beliau tetap bersama UMNO setelah menyerahkan pucuk pimpinan Kaum Ibu kepada Khadijah Sidek.

Ketokohan Khadijah Sidek sebagai ahli pidato memang membanggakan Kaum Ibu. Sekalipun beliau berasal dari Pariaman, Sumatera Barat tetapi Khadijah Sidek adalah isteri kepada Dr. Hamzah Taib pemimpin Kesatuan Melayu Johor, Muar yang ikut sama menyertai Kongres Melayu Pertama sehingga membawa tertubuhnya UMNO. Oleh itu Khadijah Sidek bukanlah asing dalam perjuangan UMNO apabila beliau mengambil alih pucuk pimpinan Kaum Ibu dari Ibu Zain.

Sumbangan Ibu Zain kepada UMNO tidak semestinya sewaktu beliau menjadi pemimpin di peringkat Pusat sahaja. Apabila Jawatan kuasa Kerja Agung UMNO pada 13 Jun 1954 mengambil ketetapan meminta semua Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Ahli Majlis-majlis Mesyuarat Settlement, Ahli Majlis-majlis Mesyuarat Municipal, Bandaran dan Town Board yang dilantik oleh penjajah Inggeris dari UMNO dan MCA hendaklah meletakkan jawatan, ianya telah menimbulkan ketegangan.

Langkah ini diambil disebabkan penjajah enggan menerima cadangan-cadangan UMNO supaya diadakan pilihan raya tidak lewat daripada bulan November 1954. UMNO tidak berpuas hati setelah Tunku

menerima surat jawapan dari Setiausaha Tanah Jajahan British, Oliver Littleton bertarikh 19 Mei 1954 yang tidak bersetuju dengan beberapa perkara dalam memorandum UMNO yang mahu diadakan pilihan raya.

Berikutan dengan keputusan tersebut Raja-raja Melayu berasa tersinggung dengan langkah yang diambil oleh UMNO. Oleh itu UMNO telah mengatur perjumpaan mengadap raja-raja Melayu dengan memilih Johor sebagai negeri yang pertama. UMNO dan MCA yang bergabung dalam Parti Perikatan telah mengadakan perjumpaan mengadap Sultan Johor pada 1 Julai 1954 dengan diketuai oleh Tunku sendiri.

Seramai 14 orang menandatangani surat kepada Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Maharaja Abu Bakar yang diketuai oleh Tunku (UMNO) dan Dato' Tan Cheng Lock (MCA) itu dan disampaikan tepat jam 11.00 pagi di Istana Bukit Sirene, Johor Bahru. Dr. Ismail (Tun) telah membacakan surat tersebut bagi pihak Parti Perikatan. Di antara 14 orang yang menandatangani surat bantahan rakyat mengenai pilihan raya itu termasuklah Ibu Zain yang mewakili Kaum Ibu UMNO cawangan Johor Bahru.

Selepas perjumpaan mengadap Sultan Johor inilah pada jam 1.00 tengah hari Tunku menerima panggilan telefon dari Setiausaha Parti Perikatan T H Tan, menyatakan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan mahu menemui Tunku pada 2 Julai 1954. Bagaimanapun Tunku tidak terus balik ke Kuala Lumpur disebabkan sudah ada jadual bertemu ahli-ahli UMNO di Mersing, Johor pada malam 1 Julai 1954 itu.

Oleh itu segala perkembangan UMNO yang berlaku di Johor ketika itu memang membabitkan Ibu Zain. Bermula dengan perjumpaan mengadap Sultan Johor dengan perarakan rakyat besar-besaran menyebabkan Sir Donald Mac Gillivery, Persuruhjaya Tinggi Persekutuan bersedia menyelesaikan isu pilihanraya yang dibangkitkan oleh UMNO.

Dalam pilihanraya 1955 hanya seorang sahaja calon Kaum Ibu yang bertanding untuk kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan iaitu Halimahton binti Abdul Majid di Hulu Selangor. Pemilihan Halimahton ini menimbulkan rasa tidak puas hati Ketua Kaum Ibu sendiri disebabkan beliau tidak terpilih untuk bertanding. UMNO membuat pilihan yang tepat tidak meletakkan Khadijah Sidek bertanding melawan Dato' Onn (Parti Negara) di Johor Bahru, tetapi meletakkan Dato' Sulaiman Abdul Rahman seorang peguam dan pemimpin Persatuan Bekas Penuntut Melayu di luar negeri.

Ibu Zain pemimpin Kaum Ibu di Johor Bahru telah bekerja keras bagi menjamin kemenangan Dato' Sulaiman ini, disebabkan pengaruh Dato' Onn memang meluas di Johor. Dalam catatan buku 'Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu' oleh Ibrahim Mahmood (Pustaka Antara,

1981) ada menyebut Kaum Ibu UMNO di Johor Bahru telah menjalankan kempen dari rumah ke rumah hingga sampai ke malam.

Keputusan pilihan raya 1955 di kawasan Johor Bahru memang menjadi tumpuan kerana pertandingan di situ menentukan hidup dan matinya Parti Negara atau UMNO. Dengan ketabahan Ibu Zain dan Kaum Ibu yang berkempen di Johor Bahru, UMNO mencapai kemenangan apabila Dato' Sulaiman mendapat 8,745 undi mengalahkan Dato' Onn Jaafar (Parti Negara) yang hanya memperolehi 2,802 undi sahaja.

Kesan dari tidak puas hati yang ditunjukkan oleh Ketua Kaum Ibu, Khadijah Sidek beliau telah menimbulkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli Kaum Ibu di cawangannya sendiri iaitu Johor Bahru. Oleh itu Kaum Ibu UMNO cawangan Johor Bahru telah membawa usul memecat keahliannya. Ibu Zain dari cawangan Johor Bahru terpaksa menerima hakikat bahwa pemimpin wanita itu sudah tidak disenangi oleh ahli-ahli di cawangannya sendiri.

Keputusan cawangan tersebut telah diterima dan diluluskan oleh UMNO Johor dan disahkan oleh Majlis Kerja Tertinggi pada 10 Oktober 1956. Pemecatan ke atas Khadijah Sidek tidaklah memecahbelahkan perpaduan Kaum Ibu, kerana cawangan yang memecatnya menyedari penglibatan Khadijah dengan perbuatan yang merugikan parti. Selepas ini kepimpinan Kaum Ibu diterajui pula oleh Fatimah binti Hashim (Tan Sri) yang juga berasal dari Johor.

Sikap tenang Ibu Zain melalui liku-liku politik dengan tidak perlu terburu-buru membolehkan beliau dicalonkan bertanding bagi kerusi Parlimen dalam pilihan raya 1959 ketika berusia 56 tahun. Ibu Zain menjadi calon UMNO di kerusi Parlimen kawasan Pontian Selatan di samping tiga lagi calon dari Kaum Ibu. Fatimah Hashim tidak bertanding di Johor, sebaliknya telah dibawa oleh Tunku ke Kedah di kerusi Parlimen Jitra/Padang Terap.

Pilihanraya 1959 pencapaian Parti Perikatan tidaklah cemerlang seperti tahun 1955. Dari 104 kerusi Parlimen, 30 kerusi jatuh ke tangan pembangkang. Dato' Onn pemimpin Parti Negara yang bertanding di Kuala Terengganu telah mencapai kemenangan seolah-olah simbolik kepada sikap pengundi-pengundi di Johor yang tidak mahu mengiktiraf kewibawaannya sebagai pemimpin.

Kejayaan parti-parti pembangkang ini tidaklah menggugat UMNO membentuk Kerajaan, tetapi banyak kelemahan yang perlu diam-bil iktibar selepas kejayaan gemilang dalam pilihanraya 1955. Malah sikap memandang ringkas krisis yang ditimbulkan oleh Kesatuan Guru-guru Melayu sebelum pilihan raya 1959 juga banyak memberi kesan

kepada calon-calon UMNO sendiri. Demikian juga perletakan jawatan Presiden MCA Dr. Lim Chong Eu, menyebabkan undi bukan Melayu di kawasan bandar memihak kepada pembangkang.

Dalam suasana mencabar inilah salah seorang calon Kaum Ibu iaitu Aishah Ghani (Tan Sri) tewas kepada calon Sosialis Front (SF) Ahmad Boestamam di kerusi Parlimen kawasan Setapak. Sementara itu Ibu Zain mencapai kemenangan besar di Pontian Selatan dengan majoriti lebih dari 40,000 undi. Dengan kejayaan Ibu Zain ini Maknanya semua tiga wakil Kaum Ibu yang memasuki Dewan Rakyat selepas pilihanraya pada 19 Ogos 1959 itu adalah dari Johor.

Sekalipun Fatimah Hashim menang di Jitra/Padang Terap, Kedah, tetapi beliau merupakan anak kelahiran Johor. Seorang lagi calon Kaum Ibu ialah Fatimah Abdul Majid (Datin) yang menang di Batu Pahat bersama dengan Ibu Zain dari negeri Johor. Kedudukan sebagai Ahli Parlimen tidak menghalang Ibu Zain untuk terus aktif dalam bidang pendidikan.

Dengan inisiatif Ibu Zain sendiri beliau berjaya menubuhkan Kolej Tunku Ampuan Mariam, Johor Bahru. Mulai 10 Mac 1963, Ibu Zain menjadi Pengetua Kolej Tunku Ampuan Mariam yang pertama. Dalam masa mengendalikan kolej ini beliau tetap mempertahankan moto hidupnya sebagai moto kolej tersebut iaitu 'Hidup Bekerja' dan 'Agama Didik Moden Dibela', dalam ucapannya Ibu Zain sering juga mengutarakan: Agama dijunjung moden dikelek.

Tempoh menjadi Ahli Parlimen di negara yang telah merdeka hanya satu penggal sahaja buat Ibu Zain. Dalam pilihan raya 1964 beliau tidak mempertahankan kerusi di Pontian Selatan. Dengan usianya sudah meningkatkan 61 tahun ketika itu, Ibu Zain memilih untuk terus berkhidmat sebagai pendidik yang amat diminatinya sejak zaman remajanya lagi.

Bakat Ibu Zain sebagai penulis telah diwarisi pula oleh anaknya Khalidah Adibah Amin seorang sasterawan dan wartawan Melayu yang terkenal. Bagi menghargai sumbangan Ibu Zain, Pergerakan Wanita UMNO telah menganugerahkan Pingat Tun Fatimah kepada beliau dalam tahun 1975, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula menganugerahkan Sarjana Kehormat sebagai tokoh pendidik yang terunggul.

Beliau menerima anugerah bintang kebesaran negara Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri ialah dalam tahun 1978. Memang Tan Sri Hajah Zainun binti Sulaiman tidak banyak melalui liku-liku getir dalam perjuangan hidupnya, tetapi beliau telah memecahkan tradisi gadis Melayu di zamannya dengan menumpukan sepenuhnya masa kepada kerjaya hingga berumur 31 tahun baru menempuh ger-

bang perkahwinan.

Ibu Zain meninggal dunia di Johor Bahru pada 2 April 1989 ketika berusia 86 tahun. Di sebalik tutur katanya yang lemah lembut Ibu Zain ternyata seorang pemimpin wanita yang tegas. Sekalipun bukan seorang pemedato yang boleh memukau pendengarnya, tetapi kewibawaannya dapat menyatupadukan tenaga Kaum Ibu yang dipimpinnya. Itulah Ibu Zain yang menitikiskan air mata apabila diberitahu mengenai perpecahan yang berlaku ke atas UMNO dalam tahun 1987.

Beliau sudah melalui dua kali perpecahan yang berlaku dalam UMNO iaitu pada tahun 1951 semasa Dato' Onn meninggalkan UMNO, dan pada tahun 1987 setelah kedudukan UMNO semakin mantap sebagai parti yang membentuk kerajaan. Bezanya dalam tahun 1951 Ibu Zain adalah Ketua Kaum Ibu yang secara automatik adalah salah seorang Naib Yang Dipertua iaitu salah seorang pemimpin terkanan, manakala era 1987 Ibu Zain adalah tokoh veteran yang terpaksa memendam perasaan.

Sebagai pemimpin kanan, Ibu Zain tetap rebah dan bangun bersama UMNO dalam masa parti menghadapi gelora krisis kepimpinan dalam tahun 1951 itu.